



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


10 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 161 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 242,705 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 219 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,404 orang. Manakala 735 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 403 orang di hospital, 333 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awa dan dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 35 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 23 (24.47%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu hari ini ialah 161 kes, penurunan 37 kes berbanding jumlah kes semalam.
- b. Kedudukan semasa di semua daerah menampakkan fasa penstabilan kecuali beberapa daerah di mana kes harian turun naik secara mendadak hampir setiap hari. Antaranya Kota Kinabalu (29 kes) yang turun 16 kes hari ini walaupun masih merupakan daerah yang mencatat kes baharu tertinggi di negeri Sabah. Ranau (28 kes) pula kembali mencatat jumlah kes yang tinggi termasuk enam (6) kes baharu daripada Kluster Hotel Perkasa. Tidak ada kes baharu dicatatkan di lapan (8) daerah dan kurang 10 kes baharu di 14 daerah.
- c. Daripada 161 kes baharu hari ini, 158 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2, satu (1) kes dalam Kategori 3 dan dua (2) kes dalam Kategori 4.
- d. Adalah juga diperhatikan bahawa 31 orang atau 19.2% daripada 161 pesakit baharu yang dilaporkan hari ini merupakan kanak-kanak bawah umur 12 tahun yang belum layak diberi vaksin. Ibubapa dan ahli-ahli keluarga dewasa yang tinggal bersama kanak-kanak yang masih kecil diseru agar berhati-hati bagi mengelak dijangkiti dan secara tak sengaja menjadi pembawa virus tersebut ke rumah. Setakat 9 Januari 2022, kadar kebolehjangkitan atau R₀/RT bagi Sabah naik ke 1.07 berbanding kadar kebangsaan 0.98. Patuhi SOP dan nasihat-nasihat KKM sepanjang masa.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (82) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	45	27.95%
3	Kontak	82	50.93%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	17.39%
JUMLAH		161	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 9/01/2022	Catatan Kes 10/01/2022	Perbandingan
1	Ranau	22	28	+6
2	Tawau	1	7	+6
3	Kota Marudu	1	5	+4
4	Kudat	1	4	+3
5	Putatan	2	3	+1
6	Telupid	0	1	+1
7	Semporna	0	1	+1
8	Tongod	0	1	+1
9	Tambunan	5	5	Mendatar
10	Kalabakan	0	0	Mendatar
11	Nabawan	0	0	Mendatar
12	Kunak	0	0	Mendatar
13	Kota Kinabalu	45	29	-16
14	Papar	21	9	-12
15	Sipitang	7	0	-7
16	Tuaran	23	19	-4
17	Beaufort	6	2	-4
18	Kota Belud	17	15	-2
19	Penampang	15	13	-2
20	Keningau	9	7	-2
21	Tenom	7	5	-2
22	Pitas	2	0	-2
23	Beluran	2	0	-2
24	Lahad Datu	2	0	-2
25	Kuala Penyu	5	4	-1
26	Sandakan	4	3	-1
27	Kinabatangan	1	0	-1
JUMLAH		198	161	-37

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (27 Disember – 9 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	19	4	0	6	29	501
Ranau	6	13	2	0	7	28	223
Tuaran	0	10	4	0	5	19	348
Kota Belud	0	8	6	0	1	15	262
Penampang	0	7	6	0	0	13	274
Papar	0	6	2	0	1	9	164
Keningau	0	2	5	0	0	7	144
Tawau	0	3	1	0	3	7	54
Tenom	0	5	0	0	0	5	71
Tambunan	0	3	0	0	2	5	84
Kota Marudu	0	0	4	0	1	5	96
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	73
Kudat	0	0	2	0	2	4	31
Sandakan	0	1	2	0	0	3	57
Putatan	0	2	1	0	0	3	110
Beaufort	0	0	2	0	0	2	124
Tongod	0	0	1	0	0	1	17
Telupid	0	0	1	0	0	1	19
Semporna	0	0	1	0	0	1	7
Sipitang	0	0	0	0	0	0	57
Beluran	0	0	0	0	0	0	33
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	29
Pitas	0	0	0	0	0	0	14
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	15
Nabawan	0	0	0	0	0	0	26
Kunak	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
JUMLAH	6	82	45	0	28	161	2,843

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Kem Bina	6
Jumlah		6

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,083 unit

- Hospital 1,236 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.07%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	156
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	161

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Emiriah Arab Bersatu	1
Amerika Syarikat	1
Indonesia	1
Sudan	1
Turki	1
Jumlah	5

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	157
Bukan Malaysia	4
Jumlah	161

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	31
Belum Menerima Vaksin	13
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	111
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	6
Jumlah	161

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	11
6 to 11	17
12 to 17	13
18 to 25	11
26 to 59	81
>60	25
Jumlah	161

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 09 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,588 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,542 orang adalah penduduk dewasa dan 46 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 09 Januari 2022 adalah seramai 2,450,817 orang. Ini meliputi 2,114,153 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.64% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,986 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,094,053 orang atau 75.92% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,664 orang atau 77.57% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,933 atau 71.87% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,922** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,887 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 52 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
 - Lapan (8) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 44 Orang : Individu Gagal Memastikan Jarak Fizikal

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 170 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 19 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,075 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 566 premis perniagaan dan 776 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 199 Premis Perniagaan melibatkan 103 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 60 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 96 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Beluran	98.5%
3	Kota Marudu	98.4%
4	Kinabatangan	98.3%
5	Semporna	98.3%
6	Tuaran	98.3%
7	Tenom	98.3%
8	Keningau	98.3%
9	Kudat	98.2%
10	Sipitang	98.2%
11	Kota Belud	98.2%
12	Lahad Datu	98.1%
13	Beaufort	98.1%
14	Ranau	98.1%
15	Kota Kinabalu	98.1%
16	Penampang	98%
17	Tawau	98%
18	Papar	98%
19	Sandakan	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**